

# Ekonomi masih berdaya tahan

Oleh YULPISMAN ASLI

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 29 MEI

**E**KONOMI Malaysia secara keseluruhannya mempunyai daya tahan yang baik untuk menghadapi kemungkinan kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom keluar daripada Kesatuan Eropah (Brexit).

Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Irwan Shah Zainal Abidin berkata, ini kerana asas-asas ekonomi Malaysia masih *solid* untuk menghadapi sebarang kemungkinan daripada kedua-dua perkara tersebut.

Beliau berkata, sekiranya Rizab Persekutuan AS (AS Fed) menaikkan kadar faedah pada bulan depan, kesan langsung kepada ekonomi Malaysia



**Ringgit menjadi semakin kukuh akibat daripada kenaikan harga minyak dunia yang sekarang ini mencecah hampir AS\$50 (RM204.57) setong."**

**IRWAN SHAH ZAINAL ABIDIN**

**Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan UUM**



adalah minimum, iaitu dari segi momentum aliran keluar modal yang mana sekali gus akan menjejaskan prestasi ringgit dalam masa terdekat.

"Jika kita lihat trend baru-baru ini, ringgit menjadi semakin kukuh akibat daripada kenaikan harga minyak dunia yang sekarang ini mencecah hampir AS\$50 (RM204.57) setong.

"Oleh itu, walaupun ada kesan kepada ringgit (akibat daripada faedah AS dinaikkan), ia agak minimum kerana telah *off-set* kepada kesan kenaikan harga minyak dunia," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

AS Fed dijangka bermesyuarat bulan depan untuk memutuskan sama ada menaikkan kadar faedah atau sebaliknya.

Sementara itu, rakyat United Kingdom (UK) juga akan membuat referendum untuk kekal bersama Kesatuan Eropah (EU) atau keluar daripada kesatuan itu.

Mengulas lanjut, Irwan Shah bagaimanapun berpendapat, terdapat juga kesan dari segi tahap kecairan, namun Bank Negara boleh mengatasinya dengan mengurangkan *Statutory Reserve Requirement* (SRR), tanpa perlu mengubah posisi dasar monetari melalui pengubahsuaian dalam kadar bunga.

Walau bagaimanapun, kata Irwan Shah, kerisauan beliau adalah kesan secara tidak langsung iaitu

implikasi tindakan AS Fed dan Brexit terhadap ekonomi dunia.

"Bagi saya, ia bukan satu penyelesaian kepada masalah ketidakseimbangan ekonomi yang dihadapi oleh ekonomi global pada ketika ini. Malah, ia boleh mem-

burukkan lagi keadaan tersebut kerana banyak negara ketika ini melaksanakan dasar kadar faedah negatif.

"Di AS sendiri, ramai penganalisis ekonomi meramalkan ekonomi AS akan mengalami kegawatan pada tahun ini, dan sememangnya ini adalah faktor penting yang akan mempengaruhi keputusan AS Fed sama ada menaikkan kadar faedah, mengurangkan atau mengamalkan kadar faedah tersebut.

"Keadaan bertambah lebih buruk lagi dengan ketidakpastian di Eropah dalam isu Brexit, kelembapan pertumbuhan ekonomi di China serta prestasi pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia, ditambah dengan pengukuhan matawang Yen di Jepun.

"Sebagai ekonomi yang kecil dan terbuka, ekonomi Malaysia sememangnya akan menerima kesan-kesan negatif daripada prospek yang kurang optimistik terhadap ekonomi dunia akibat daripada kenaikan kadar faedah AS pada Jun ini," katanya.

**Ringgit menjadi semakin kukuh akibat daripada kenaikan harga minyak dunia**

**Asas ekonomi Malaysia masih *solid***

**Bank Negara Malaysia (BNM) boleh mengatasi kecairan**

**AS Fed dijangka bermesyuarat bulan depan**

**Kesan langsung kepada ekonomi Malaysia adalah *minimum***